

07 JUN 2000

T.Kemang-Mahathir

DR MAHATHIR MINTA PENGUNDI PILIH BN YANG TERBUKTI BAWA KEMAJUAN

PORT DICKSON, 7 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta pengundi di Teluk Kemang memilih Barisan Nasional (BN) kerana ia terbukti membawa kemajuan dan pembangunan tanpa memilih kaum.

Dr Mahathir berkata kalau mereka mengundi parti lawan, mereka tidak akan dapat apa-apa sedangkan BN akan terus melaksanakan pembangunan sebagaimana yang dijanjikan dalam manifesto pilihan raya.

Dalam temubual yang disiarkan di laman web Umno www.umno.org.my sempena pilihan raya kecil Teluk Kemang Sabtu ini, Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata BN berpegang kepada janji yang boleh ditunaikan.

"Bukan janji-janji yang tidak boleh tunaikan seperti janji hendak hantar ke syurga dan sebagainya...jangan terpengaruh dengan usaha membenci kerajaan. Apa yang kita akan dapat," kata beliau dalam keluaran khas itu.

Dr Mahathir berkata peluang BN untuk menang memang baik dan yakin ia akan dapat menambah majoriti berbanding pilihan raya umum 1999.

Pada pilihan raya kecil Parlimen Teluk Kemang itu, yang diadakan berikutan kematian wakil rakyatnya S.A. Anpalagan, calon BN, S. Sothinathan ditentang calon Parti Keadilan Nasional, Ruslan Kasim.

Dr Mahathir juga menyangkal dakwaan pembangkang bahawa BN akan memberi lebih banyak pembangunan kepada kawasan yang dikuasai pembangkang dengan tujuan menawan semula seperti di Kelantan.

"Bekalan air di Kelantan masih lagi tidak baik dan kerajaan Kelantan meminta-minta pertolongan daripada kerajaan pusat kerana tidak dapat bagi bekalan air yang bersih. Ini menunjukkan kalau pilih parti lawan...tidak ada bantuan langsung," kata beliau.

Ditanya mengenai tindakan pembangkang menggunakan isu "antara masjid dan kuil", Dr Mahathir berkata tindakan sedemikian boleh mendatangkan kesan buruk kepada perpaduan agama dan kaum di Malaysia.

Katanya PAS dan Keadilan sebenarnya tidak menghormati masjid tempat ibadat orang Islam apabila mereka membawa masuk orang bukan Islam ke dalam Masjid Negara.

Dr Mahathir juga meminta orang Melayu yang menjadi pengundi majoriti di Teluk Kemang memberikan sokongan kepada calon BN walaupun beliau seorang India.

"Orang Melayu perlu ingat ada tempat-tempat lain orang Melayu jadi calon tetapi memerlukan sokongan orang India dan Cina baru dapat kemenangan bagi Umno. Demikian juga PAS di kawasan orang Melayu majoriti, kalau tidak dapat sokongan Cina dan India, mereka tidak menang.

"Orang Melayu kali ini dapat calon orang India, jadi kita kena balas budi...di tempat lain orang India dan Cina tolong kita. Kita akan rugi kalau tidak tolong orang kerana orang tidak akan tolong kita," katanya.

Dr Mahathir berkata BN telah mengamalkan sikap tolong menolong sejak dahulu lagi sedangkan pemimpin-pemimpin PAS yang tidak mahu langsung berbuat demikian dulu, kini sanggup berpeluk-peluk dengan pengerusi DAP Lim Kit Siang semata-mata hendak mendapat sokongan.

Mengenai tumpuan khusus pembangunan Teluk Kemang, beliau berkata kawasan itu telahpun mempunyai infrastruktur yang baik dan ia akan diteruskan manakala bantuan pelbagai segi seperti pelajaran, sekolah dan guru akan dipertingkatkan.

Ditanya tindakan pembangkang terus menggunakan isu Japanese Encephalitis (JE) dalam kempen mereka, Dr Mahathir berkata ia tidak akan menjejaskan peluang BN kerana kerajaan telah melaksanakan segala yang ia

mampu untuk menangani masalah itu.

"Apa yang dia (pembangkang) buat untuk JE? Berapa banyak bantuan yang dia beri? Yang dia tahu hendak salahkan kerajaan. Bukan kerajaan yang bawa JE...itu penyakit," katanya.

Perdana Menteri berkata di negara lain, tidak ada kerajaan yang bayar ganti rugi kepada sesuatu perusahaan penternakan yang menghadapi masalah.

"Saya tahu di Eropah juga, apabila berlakunya wabak penyakit lembu gila, kerajaan tidak bagi ganti rugi. Di Malaysia bantuan yang banyak kita berikan dan hendak jaga kesihatan, kita kena kawal penyakit itu," katanya.

Mengenai kurangnya sokongan daripada DAP kepada Keadilan pada pilihan raya ini, Dr Mahathir berkata DAP sudah sedar ia telah ditipu oleh PAS.

"Kerana berbaik-baik dengan PAS, orang Melayu tidak sokong, orang Cina pun tidak sokong, kalahlah Karpal (Singh) dan Kit Siang," katanya.

Beliau berkata jika DAP menunjukkan ia sanggup bekerjasama lagi dengan PAS dan Keadilan dalam pilihan raya ini, sokongan orang Cina kepada DAP akan lebih merosot.

-- BERNAMA

AR RON